

13/12/2000

Pameran dedah rahsia kahwin

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap pameran kemurniaan seni perkahwinan yang sedang berlangsung di ibu negara, akan dapat mendedahkan rahsia perkahwinan.

Perdana Menteri berkata, rahsia perkahwinan bukan saja untuk keseronokan semata-mata, sebaliknya memperoleh zuriat yang baik.

"Perkahwinan bukan saja untuk keseronokan semata-mata tetapi juga merupakan satu pemerolehan. Malangnya, di kebanyakan tempat di dunia, ia adalah satu sumber keseronokan.

"Banyak kejadian berlaku dengan lelaki dan perempuan lebih cenderung untuk hidup bersama tanpa ikatan perkahwinan dan mempunyai anak apabila mereka mahu. Kadang-kala, mereka akan hanya berkahwin setelah anak-anak sudah besar. Mereka mahu anak-anak mereka menjadi saksi perkahwinan mereka," katanya.

Dr Mahathir berucap ketika merasmikan pameran kemurnian seni perkahwinan di Muzium Keseniaan Islam Malaysia di sini, petang ini.

Pameran itu dianjurkan dengan kerjasama Pertubuhan Arkib Negara Iran (INAO) yang bermurah hati berkongsi koleksi mereka.

Surat nikah Parsi dinasti Qajar itu ditulis dengan tinta emas dan diubah suai menjadi satu objek hiasan bernilai, menjadikan muzium Keseniaan Islam Malaysia yang pertama di dunia mempamerkannya.

Dr Mahathir berkata beliau berasa gembira kerana masih dapat memperkatakan tentang kesucian perkahwinan pada masa ia tidak lagi dianggap suci di kebanyakan tempat di dunia.

Beliau berharap kesucian dalam ikatan pasangan suami isteri akan dapat dipulihkan semula.

Dr Mahathir berkata, pameran berkenaan diharap membolehkan orang ramai memahami kemurniaan perkahwinan.

Katanya, pameran itu diadakan dengan kesanggupan INAO meminjamkan koleksi mereka.

"Ini membolehkan muzium ini membawa banyak pameran di sini. Contohnya, keseniaan Islam terbukti sangat popular dengan kebanyakan orang dan tidak terhad kepada orang Islam," katanya.

Terdahulu, Syed Muhammad dalam ucapannya berkata, Muzium Keseniaan Islam Malaysia bertuah kerana mendapat kerjasama Dr Amir H Zekrgoo dari University of Art, Tehran yang menghasilkan katalog sijil nikah bagi pameran itu.

(END)